

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Nasional)

Hari/Tarikh: 5/5/2016

Muka surat: 16

Tajuk : Beri kuota besar pelajar Sarawak masuki UNIMAS

Beri kuota lebih besar pelajar Sarawak masuki UNIMAS

KUCHING: Kuota lebih besar harus diberikan kepada pelajar Sarawak untuk memasuki Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Calon Barisan Nasional (BN) DUN Batu Kitang Lo Khere Chiang berkata ia bagi memberi peluang kepada lebih ramai pelajar dari negeri ini melanjutkan pengajian di universiti awam tersebut.

"Pada masa ini, lebih 70 peratus pelajar di UNIMAS adalah dari Semenanjung Malaysia.

"Sebab itu kita mahu kuota lebih besar diberikan kepada pelajar dari Sarawak agar lebih ramai anak kita dapat belajar di sana,"

katanya..

Beliau berkata demikian menerusi ceramah sempena program 'Temu Janji Dengan Lo Khere Chiang' di Kota Padawan dekat sini, malam kelmarin.

Menurut Lo, pendidikan amat penting bagi rakyat Sarawak untuk meningkatkan lagi pembangunan modal insan di negeri ini.

"Untuk maju, kita harus bergantung kepada pendidikan...walaupun hidup miskin, kita tidak boleh miskin pendidikan," tegasnya.

Dalam pada itu, Lo yang juga pengurus Majlis Perbandaran Padawan (MPP)

menyeru pengundi di negeri ini supaya memberi sokongan penuh kepada Pasukan Adenan pada Pilihan Raya Negeri Ke-11 ini.

Jelas beliau, sokongan penuh rakyat khususnya kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem akan menjadi tulang belakang kepada beliau untuk mengembalikan autonomi Sarawak.

"Ketua Menteri hanya minta lima tahun dan berharap agar semua rakyat menyokongnya.

"Ini kerana beliau mahu mengambil balik kuasa autonomi Sarawak khasnya dari segi royal timinyak, pendidikan dan ekonomi," katanya.

